

24/04/2001

MTUC sokong tumpu isu ekonomi, perpaduan

KUALA LUMPUR, Isnin - Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) menyambut baik Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8) yang disifatkan memberi tumpuan terhadap dua perkara penting iaitu menggalak pertumbuhan ekonomi dan isu perpaduan yang menjadi teras perpaduan.

Sementara Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) pula lega dengan kesediaan kerajaan memberi insentif khas kepada pesara kerajaan yang berkecayaan untuk kembali berkhidmat.

Presiden MTUC, Senator Zainal Rampak, berkata, galakkan pembelajaran sepanjang hayat kepada pekerja yang ditekankan dalam RM-8 dapat melahirkan masyarakat K-ekonomi sebagai persediaan menghadapi era globalisasi.

Dalam pembentangan RM-8 oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Parlimen hari ini, kerajaan memberi tumpuan dan galakan kepada pekerja supaya memahirkan diri dalam semua bidang terutama teknologi maklumat (IT) supaya mereka dapat meningkatkan produktiviti seterusnya meningkatkan kadar upah.

Beliau bagaimanapun kecewa apabila RM-8 tidak memasukkan gaji minimum, Skim Penamatan Perkhidmatan (SPP) serta hak kebebasan berpersatuan kepada pekerja.

Katanya, ketiga-tiga perkara itu adalah perkara asas dan penting bagi meningkatkan produktiviti seperti yang dimahukan kerajaan.

"Pekerja perlu mendapat gaji minimum terlebih dahulu barulah produktiviti dapat ditingkatkan.

"Saya tidak katakan produktiviti negara ketika ini tidak setanding negara maju lain. Malah, negara kita sekarang mempunyai produktiviti jauh lebih tinggi berbanding negara Asean dan mengatasi Jepun.

"Tetapi gaji minimum akan menjadi teras utama pekerja untuk meningkatkan produktiviti mereka. Inilah yang perkara penting yang ketinggalan dalam RM-8," katanya selepas mengadakan pertemuan kira-kira setengah jam dengan Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Fong Chan Onn di sini, hari ini.

Zainal berkata, RM-8 juga tidak memasukkan SPP yang mampu menjadi jaring keselamatan dalam melindungi pekerja yang diberhentikan.

"Saya tidak faham mengapa SPP langsung tidak diberi tumpuan padahal dalam Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua (Mapen II) ada membincangkan perkara itu," katanya.

Beliau juga kecewa apabila RM-8 tidak memberi tumpuan terhadap kebebasan pekerja untuk berpersatuan.

"Dengan kebebasan berpersatuan bermakna kerajaan mengiktiraf hak kaum pekerja kerana dari situ akan wujud hubungan harmoni antara pekerja, majikan dan pekerja. Ini sekali gus dapat mengembangkan ekonomi dan meningkatkan produktiviti," katanya.

Sementara itu, Setiausaha Agung Cuepacs, Abdul Rahman Manan, berkata kesediaan memberi insentif khas kepada pesara kerajaan yang berkecayaan untuk kembali berkhidmat membuktikan kerajaan sedar bahawa persara masih berkemampuan membantu membangunkan ekonomi negara.

"Kami menyambut baik keputusan itu kerana selama ini ramai kakitangan kerajaan yang bersara awal. Padahal mereka masih kuat untuk bekerja dan mempunyai fikiran kreatif," katanya ketika dihubungi.

Dalam pembentangan RM-8 hari ini, kerajaan akan mempertimbangkan untuk mengambil semula pesara yang berkecayaan mengikut keperluan bidang tertentu.

Mengenai program pembangunan sumber manusia termasuk menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat dan membayar upah mengikut produktiviti,

Abdul Rahman berkata, keputusan itu amat dialukan-alukan.
(END)